

10/09/1998

DUN Melaka lulus usul sokong Mahathir

MELAKA, Rabu - Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka hari ini meluluskan usul tergegar menyokong penuh kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menangani pelbagai isu semasa khususnya ekonomi, politik dan keselamatan negara.

Usul yang dibawa Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin (BN-Merlimau) serta disokong Datuk Gan Boon Leong (BN-Duyong) itu diluluskan dengan suara majoriti selepas dibahaskan selama 40 minit.

Turut serta dalam perbahasan ialah Datuk Chua Peng Song (BN-Bachang), Datuk R Raghavan (BN-Bukit Asahan), Sim Tong Him (DAP-Bandar Hilir) dan Yew Kok Kee (DAP-Durian Daun).

Usul itu berbunyi: "Bahawa Dewan yang mulia ini mengambil ketetapan bahawa Kerajaan Negeri menyokong penuh kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dalam menangani isu-isu semasa yang membabitkan aspek ekonomi, politik dan keselamatan negara."

Ketika membentangkannya, Abu Zahar berkata, kebijaksanaan pentadbiran Dr Mahathir membolehkan negara terus bertahan berbanding kebanyakan negara lain yang keadaan ekonomi mereka hampir nazak.

"Kita tidak perlu memohon pinjaman dari luar dan tindakan kita sebenarnya adalah mengikut acuan kita sendiri, bukannya orang lain," katanya.

Menurut beliau, cadangan Perdana Menteri diadakan kawalan ketat dalam pengurusan kewangan antarabangsa mula mendapat perhatian memberangsangkan oleh pelabur ekonomi dunia.

Ini termasuk langkah menetapkan nilai pertukaran ringgit oleh kerajaan dan bukan kuasa pasaran serta memutuskan ringgit tidak sah diperlakukan di luar negara dan ringgit di luar pesisir perlu dibawa masuk ke dalam negara sebelum 1 Oktober ini.

Mengenai tindakan Dr Mahathir melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri, Abu Zahar berkata tindakan itu pasti sesuatu yang sukar dan tentu mengambil kira pelbagai kepentingan negara.

"Sudah pasti Perdana Menteri telah menghidu sesuatu yang tidak baik akan berlaku jika beliau tidak mengambil tindakan tegas terhadap soal perilaku yang tercabar itu.

"Soal salah laku moral tidak boleh dipandang enteng dalam membuktikan imej kebersihan pentadbiran negara dan ia bukan sesuatu yang boleh dilalui secara bertolak-ansur," katanya.

Abu Zahar berkata, keutamaan sebenar ialah menyatukan masyarakat dengan pengukuhan ekonomi dan bukan bertelagah pendapat dan ideologi.

Gan pula berkata, sepanjang 17 tahun kepimpinannya, Dr Mahathir berjaya menunjukkan keperibadian mulia, bermaruah dan bermoral tinggi.

"Pada masa yang sama, Perdana Menteri berpegang teguh kepada prinsip Bersih, Cekap dan Amanah serta kita mesti bersedia berganding bahu bagi mempertahankan institusi Perdana Menteri daripada sebarang ancaman," kata Gan.

Sim berkata, DAP menyokong tindakan Perdana Menteri bagi mengatasi isu kemelut ekonomi sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya, tindakan Dr Mahathir melucutkan jawatan Anwar perlu diperjelaskan kepada umum dan oleh itu, satu sesi khas Parlimen perlu diadakan untuk membincang isu itu.

(END)

